

D442

UB511 A A B  
CHOGM - APARTEID  
(I)

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- PEMBEBASAN LAPAN TAHANAN POLITIK TERPENTING DI AFRIKA SELATAN MINGGU LEPAS MERUPAKAN +KESAN LANGSUNG+ DARIPADA SEKATAN EKONOMI YANG DIKENAKAN KE ATAS NEGARA ITU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SAMBIL MENGALU-ALUKAN PEMBEBASAN ITU, BELIAU MENYIFATKAN PERKEMBANGAN ITU SEBAGAI +SEDIKIT LAYANAN+ DARI REJIM PRETORIA TERHADAP ASPIRASI DAN KEHENDAK ORANG-ORANG KULIT HITAM.

+KINI TERDAPAT SEDIKIT PERUBAHAN DI AFRIKA SELATAN TETAPI INI TIDAK MENCUKUPI,+ KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

PERDANA MENTERI AKAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) RABU INI. MESYUARAT ITU DIJANGKA MEMPERBAHARUI PENDIRIAN KOMANWEL TERHADAP SEKATAN EKONOMI KE ATAS AFRIKA SELATAN.

BELIAU BERKATA SEKATAN ITU PERLU TERUS DIPERHEBATKAN LAGI SEKIRANYA KESAN-KESAN YANG LEBIH POSITIF MAHU DILIHAT BERLAKU DI NEGARA ITU. -- LAGI.

1724MST 16 10 89

D446

UB515 D E B  
CHOGM - APARTEID 2 KUALA LUMPUR

KATANYA,SOAL APARTEID TERUS MENJADI ISU POKOK PADA AJENDA MENGENAI AFRIKA SELATAN, DAN MENAMBAH BAHAWA DASAR PENGASINGAN BANGSA MASIH NYATA DILAKSANAKAN DI NEGARA ITU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA SIDANG PUNCAK KOMANWEL ITU AKAN MEMBINCANGKAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYEKAT KEMUNGKINAN BERLAKU PEMULAUAN TERHADAP SUKAN KOMANWEL DI AUCKLAND TAHUN DEPAN OLEH SESETENGAH NEGARA ANGGOTA, BELIAU BERKATA NEW ZEALAND SEBAGAI TUAN RUMAH SUKAN ITU BOLEH MENGELAK PERKARA SEPERTI ITU BERLAKU DENGAN TIDAK MENGHANTAR PASUKAN SUKANNYA KE AFRIKA SELATAN.

ANTARA TAHANAN YANG DIBEBAHKAN IALAH WALTER SISULU,77, BEKAS SETIAUSAHA AGUNG KONGRES KEBANGSAAN AFRIKA (ANC) YANG DIHARAMKAN DAN MERUPAKAN RAKAN RAPAT KEPADA PEJUANG NELSON MANDELA, TOKOH PENTING DALAM PERJUANGAN MENENTANG APARTEID, YANG KINI MASIH LAGI DALAM TAHANAN.

KELAPAN-LAPAN TOKOH ITU DITAHAN PADA TAHUN 1963 DALAM SATU GERAKAN HEMBERKAS PEMIMPIN-PEMIMPIN ANC. -- BERNAMA.

173211ST 1610 09